



“PEMERGIAN EDRUS sangat memeritkan”

- Nor Syarmila

Beberapa bulan lalu, negara digemparkan dengan berita kehilangan adik Nor Amilia Edrus, 5 tahun. Kehilangannya sekali gus menggamit beberapa kes seumpamanya seperti kes kehilangan adik Sharlinie, Nurin Jazlin dan sebagainya. Semakin hari, isu keselamatan anak-anak menjadi satu kebingungan utama para ibu bapa di luar sana.

Nor Syarmila Tengku Hanafiah, 46, dan suami, Norsham Haji Jalil, 63, sempat meluahkan masa mereka bersama penulis dan seorang lagi rakan media bagi menyelongkar kisah kehilangan anak tercinta. Hampir tiga jam pasangan ini berkongsi meluahkan apa yang dirasai kepada penulis di kediaman mereka di Kepong Lama.

Menurut Nor Syarmila, pada awalnya dia masih belum bersedia untuk bertemu pihak media apatah lagi di hatinya masih tidak keruan. Dugaan yang dihadapinya cukup kuat, justeru dia tidak mahu kata-katanya nanti lebih menurut emosi. Setelah hati mampu bertenang, dia dan suami akhirnya sepakat untuk menerima

temu ramah daripada kami, sekali gus mahu memperbetulkan beberapa dakwaan tidak benar yang tersebar di media sosial sebelum ini.

Anwar adik Edrus dilaporkan hilang pada hari Khamis, malam Jumaat, 11 Ogos lalu. Kehilangannya disedari apabila dia tidak pulang-pulang selepas solat Maghrib di surau berdekatan. Puas mencari dan bertanya kepada ramai orang terutama di kalangan jemaah di masjid, masing-masing memberitahu kali terakhir dilihat dia menuju ke kereta proton Saga milik menantu Norsham.

“Pada malam kejadian, isteri kedua saya, Norehan ada menghubungi saya memberitahu Edrus masih belum pulang dari surau. Saya terus bergegas

pulang untuk mencari Edrus. Anak saya ini memang suka ke surau. Setiap kali azan berkumandang, dia cepat-cepat bersiap untuk ke surau. Di sana, dia suka membantu membenteng dan melipat sejadah.

“Kalau hari Khamis pula, dia bertugas mengedarkan surah-surah Yasin dan selain membawa tabung kecil kepada Jemaah surau. Jadi, tidak hairanlan dia cukup dikenali di kalangan jemaah termasuk Imam di sini. Ramai yang sayangkan dia dan sebab itu juga jemaah di sini ambil berat tentangnya.

“Selalunya, dia ke surau bersama abangnya, Nazreen. Cuma pada malam tersebut Nazreen pergi ke masjid dan tidak membawa Edrus. Sebab itu, Edrus pergi bersendirian di surau yang jaraknya hanya 10 meter dari rumah,” cerita Norsham memulakan kisah bagaimana Edrus dipadapi hilang.

Suka ke Surau

Usaha mencari Edrus masih ditinggalkan. Jemaah masjid yang ditanya kebanyakannya melihat Edrus menghampiri kereta milik suspek. Itulah kali terakhir Edrus dilihat. Tidak lompat bahawa Edrus hilang selama-lamanya bermula detik itu. Berkali-kali Norsham bertanya kepada suspek di mana keberadaan Edrus, tetapi setiap kali itu juga dia berkata Edrus sudah keluar semula dari kereta dan terus pulang selepas berjumpanya.

Misteri kehilangan Edrus masih belum dapat dirungkakan. Dalam tempoh seminggu sebelum penemuan mayatnya, pelbagai teori dan kenyataan bercanggah, lebih-lebih lagi daripada suspek yang kali terakhir dilihat bersama Edrus. Bahkan, dia juga turut berakion mencari Edrus, dan turut bersama Norsham ke Rawang untuk bertemu dengan seorang pengamal perubatan di sana.

Pada hari ketiga kehilangan Edrus, suspek ditangkap kerana dia satu-satunya dilihat kali terakhir bersama Edrus. Dalam sesi soal siasat, kenyataannya berubah pula. Dia menuduh Norsham, ibu kandung Edrus sendiri, sebagai rakan jenayah menculik anak sendiri. Tuduhnya, wanita itu mahu menjaga anaknya kembali kerana sejak Edrus berusia sembilan bulan, dia diletakkan di bawah jagaan isteri kedua Norsham.

“Tak tahu macam mana nak ungkapkan perasaan saya apabila

dituduh begitu. Saya seorang ibu. Takkan tergamak saya untuk culik anak sendiri sedangkan saya juga tidak keruan kerana sehingga ke hari tersebut apabila kelibat Edrus masih tidak dijumpai. Sesi soal siasat masih berlangsung dan sekali lagi kenyataan suspek berubah.

“Sesungguhnya, sejak kehilangan Edrus saya buntu. Saya bertanya kepada ustaz-ustaz di mana saya belajar agama. Mereka menasihatkan saya sentiasa berdoa dan memohon kepada-Nya. Itulah yang saya lakukan. Saya berdoa bersungguh-sungguh dan berserah kepada takdir Allah.

“Melalui hari demi hari sepanjang kehilangan Edrus amat memeritkan. Setiap waktu saya tidak putus-putus berdoa, mengaji al-Quran dan berzikir agar Edrus dijumpai dengan selamat, serta ditenangkan hati. Saya masih ingat, malam sebelum mayat Edrus dijumpai saya berdoa “Ya Allah, jika benar anaku masih hidup Kau tunjukkanlah di mana. Jika sudah tiada, Kau hadirkanlah dia di dalam mimpiku biarpun sekejap.”

“Usai berdoa, saya terlelap sendiri sedangkan mata ini begitu payah untuk lena sebelum itu. Dalam mimpi, saya melihat Edrus berada di hadapan rumah. Baru sahaja ingin mendakapnya, tiba-tiba saya terjaga dari tidur. Ya Allah, saya tidak tahu nak tafsirkan perasaan ketika itu. Saya tahu, mimpi tersebut petanda Edrus sudah tiada.

“Allah telah perkenankan doa saya. Hati berdebar-debar kerana lokasi Edrus masih tidak diketahui. Esoknya, anggota Rela menemui mayat Edrus di kawasan semak di Kampung Kemensah, Hulu Kelang dalam keadaan tangan dan kaki masih terikat,” ujar Nor Syarmila.

Tiada Unsur Ugutan

Banyak persepsi dan dakwaan tidak benar dalam kes kehilangan Edrus. Dikatakan terdapat unsur ugutan. Pun begitu, kedua-dua Norsham dan Norshamila menafikan unsur ugutan tersebut. Jelas mereka, biar sebanyak mana pun jumlah wang tebusan yang diminta, walau RM100,000 sekali pun mereka tetap akan cari dan usahakan sehingga dapat.

“Nyawa anak tiada galang gantinya. Jangankan RM10,000 seperti yang digembar-gemburkan, lebih daripada itu pun kami akan usahakan. Bukanlah kami orang berada, tetapi seperti yang saya beritahu hal ini melibatkan nyawa. Sesiapa juga yang berada di tempat

kami takkan sanggup merisikakan nyawa ahli keluarga, apatah nyawa anak sendiri semata-mata kerana sayangkan duit.

“Dalam kes ini, tiada isu berkenaan ugutan wang tebusan untuk mendapatkan kembali Edrus. Suspek tidak pernah meminta wang daripada kami. Tetapi saya percaya, penculikan ini seperti sudah dirancang. Saya juga percaya, ia ada kaitan dengan perasaan cemburu kerana isteri kedua saya, Norehan, sering melebihikan Edrus.

“Ada juga cerita tentang keadaan mayat Edrus ketika dijumpai. Menurut kisah yang berlegar-legar di media sosial, mayat Edrus dijumpai dalam keadaan kepala terputus dari badan. Sejujurnya, keadaan seperti itu tidak pernah berlaku. Menurut pakar forensik yang menjalankan bedah siasat ke atas arwah, selepas seminggu manusia meninggal dunia, bau busuk tubuh badan yang mereput menarik perhatian binatang-binatang buas di hutan.

“Memang benar, tubuh Edrus sudah carik-carik pada bahagian perut. Mukanya hanya tinggal tengkorak tanpa mulut, mata dan anggota pada muka. Tetapi, ia tidak terputus seperti yang dikatakan. Anak saya, Nazreen, sendiri membuat pengecaman ke atas mayat arwah berdasarkan kepada baju biru yang dipakainya selain ujian DNA daripada saya,” tambah Norsham. Baginya dan isteri, biarlah undang-undang sahaja yang membalas tindakan kejam terhadap arwah anaknya. Di akhirat kelak, dia tetap akan dihukum di atas perbuatannya. k

